

Baca petikan dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan fahaman dengan ayat yang lengkap.

Komputer amat penting digunakan pada masa ini kerana banyak perkara terpaksa dilakukan dengan menggunakan komputer. Oleh sebab itu, memang sepatutnya murid-murid berusaha untuk menguasai ilmu komputer sejak dari sekolah rendah lagi bagi membantu mereka dalam pembelajaran.

Antara faedah mempelajari komputer ialah memudahkan kita memperoleh pelbagai maklumat yang dikehendaki. Kita boleh mencari pelbagai maklumat melalui komputer dengan melayari internet. Selain itu, komputer juga membolehkan kita belajar dengan menggunakan perisian tertentu atau secara dalam talian. Ini memudahkan pelajar memahami pelajaran dan menambahkan minat mereka untuk terus mengikuti pelajaran.

Di samping itu, kerja-kerja pendokumenan akan lebih mudah apabila dilaksanakan oleh seseorang yang mahir komputer. Tambahan pula, dengan komputer sebarang kesilapan semasa menaip dapat dibetulkan dengan lebih mudah dan pantas.

Kemahiran dalam penggunaan komputer juga dapat membantu seseorang menguruskan fail atau data-data penting dengan lebih mudah dan selamat. Ini penting untuk menghindari kita daripada masalah dan kerugian akibat kehilangan data-data atau fail-fail tersebut.

Dalam pada itu, komputer juga boleh menghiburkan kita. Pelbagai aktiviti yang menghiburkan dapat dilakukan seperti bermain melalui perisian komputer, menonton cerita, mengikuti berita-berita terkini melalui Facebook, Instagram dan banyak lagi. Ini boleh merehatkan minda kita setelah penat belajar. Asalkan tidak dilakukan secara berlebihan hingga mengabaikan pelajaran.

Kesimpulannya, mempelajari komputer mempunyai faedahnya. Tambahan pula, pada masa ini banyak perkara perlu dilakukan dengan menggunakan komputer. Oleh itu, tanamkan sikap ingin mempelajari komputer agar kita tidak ketinggalan dalam arus kemodenan ini.

Dipetik dari koleksi karangan Kluster IV 2016.

Baca dan teliti semua soalan. Sila taipkan jawapan dengan ayat yang gramatis.

1) Apakah yang **penting** digunakan pada masa ini?

2) Bilakah murid-murid berusaha untuk **menguasai** ilmu komputer?

3) Berikan satu **faedah** mempelajari komputer?

4) Bagaimanakah kita boleh **mencari** pelbagai maklumat?

5) Senaraikan dua penggunaan perisian tertentu atau secara talian **memudahkan** pelajar belajar?

6) Apakah yang dapat **dilaksanakan** oleh seseorang yang mahir komputer?

7) Bolehkah kita **betulkan** dengan mudah dan pantas menggunakan komputer?

8) Apakah ke**pentingan** kemahiran dalam penggunaan komputer menguruskan fail atau data-data?

9) Apakah aktiviti **menghiburkan** yang dapat dilakukan menggunakan komputer?

10) Mengapakah kita perlu tanamkan sikap ingin **mempelajari** komputer?